

# Perniagaan-kerajaan perlu bekerjasama

UM 1 2 NOV 2001

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**  
dan **ABDUL HAMID MOHAMAD**

**G**ENTING HIGHLANDS 11 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat peniaga perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam merangsang perniagaan dan mengukuhkan keyakinan pengguna untuk berdepan dengan sentimen negatif akibat kemerosotan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sendiri akan terus mengamalkan dasar liberal dan berorientasikan pasaran tetapi percaya semua pihak termasuk masyarakat perniagaan dan pekerja perlu bersama mengekalkan iklim perniagaan yang meyakinkan.

“Dalam hal ini, perlu ada usaha yang bersepadu untuk mengukuhkan dialog di antara kerajaan dan sektor perniagaan serta meneruskan langkah pragmatik bagi menjamin perniagaan yang selamat dan mampu merangsang pertumbuhan serta pemulihan ekonomi sejagat.

“Cabaran sejagat itu sudah pasti memerlukan tindak ba-

las secara bersama,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Keempat Masyarakat Fui Chiu Sedunia di sini hari ini.

Konvensyen tiga hari bermula semalam, dihadiri oleh 1,200 peserta dari 12 negara iaitu Singapura, Taiwan, Hong Kong, China, England, Thailand, Australia, Kanada, Brunei, Indonesia, Trinidad dan Malaysia.

## Mengukuhkan

Perdana Menteri yang tertarik dengan rangkaian Fui Chiu di seluruh dunia, menggesa pertubuhan itu mengambil peluang mengukuhkan perdagangan, pelaburan dan perniagaan dua hala di antara Malaysia dan masing-masing negara peserta.

“Sejarah hubungan perniagaan dan sosiobudaya yang panjang di kalangan anggota Fui Chiu, yang mewakili kepentingan perniagaan negara masing-masing, kini menjadi semakin penting dengan kemaskin China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO),” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Ma-

laysia memang telah sekian lama menyokong permohonan China menyertai WTO dan percaya negara itu akan memainkan peranan penting dalam badan dunia tersebut.

Menurutnya, Malaysia akan terus menjalin kerjasama dengan negara itu bagi mempercepatkan penyertaan penuh China sebagai anggota WTO.

Dalam hal ini, beliau percaya Fui Chiu yang mempunyai rangkaian perniagaan antarabangsa serta pengetahuan mendalam mengenai etika dan iklim perniagaan, serta budaya bekerja orang Cina mampu memasuki pasaran negara itu.

Tambahan pula, katanya, bahasa pertuturan dan ikatan tradisional, menjadi nilai tambah bagi komuniti Fui Chiu bersaing dalam pasaran besar China.

Justeru tambah beliau, masyarakat Fui Chiu patut menggunakan daya saing yang ada untuk mengukuhkan rangkaian ekonomi dan merealisasikan transaksi perniagaan di antara China dan negara masing-masing termasuk Malaysia.

“Mereka patut memperluaskan ikatan kepada pakatan perniagaan yang melampaui hubungan komuniti. Adalah menjadi cabaran kepada komuniti Fui Chiu untuk membawa faedah daripada pasaran China ke negara masing-masing,” katanya.

## Pelaburan

Perdana Menteri percaya konvensyen yang dihadiri mereka merupakan tapak bagi anggota komuniti itu mempromosikan eksport dan sumber import di samping menggalakkan pelaburan dan transaksi perniagaan.

Dr. Mahathir menarik perhatian terhadap pelbagai peluang perniagaan di Malaysia termasuk bidang industri dan sektor pertanian, industri makanan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Selain itu, katanya, insentif pelaburan juga ditawarkan termasuk garis panduan khusus yang membenarkan ekuiti asing hingga 100 peratus.